

10 DEC 1996

Hamid-Kerjasama

MALAYSIA INGIN ERATKAN KERJASAMA PERTAHANAN DENGAN ARAB SAUDI

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Malaysia berminat memupuk kerjasama lebih erat dengan Arab Saudi di bidang ketenteraan, kata Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar.

Syed Hamid yang menyertai lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu baru-baru ini berkata, meskipun kunjungan itu lebih ke arah meningkatkan hubungan dagang antara kedua-dua negara, beliau juga mengambil kesempatan mengadakan pertemuan dengan pihak-pihak yang ada kaitan dengan pertahanan.

"Kemajuan Arab Saudi di bidang ketenteraan mengagumkan dan banyak yang kita boleh pelajari daripada pengalaman mereka," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional (BSN) kepada 60 pegawai dan anggota tentera serta kakitangan awam Kementerian Pertahanan sempena Penganugerahan Khidmat Cemerlang di Wisma Pertahanan di sini, hari ini.

Kementerian Pertahanan membeli sijil-sijil simpanan premium BSN bernilai RM1.8 juta untuk diagih-agihkan kepada 6,000 penerima anugerah khidmat cemerlang. Ia merupakan Kementerian pertama yang mengorak langkah menukar cenderamata berbentuk barangan kepada sijil simpanan premium BSN. Hadir sama ialah Pengerusi BSN Datuk Haji Ahmad Zahid Hamidi.

Syed Hamid berkata sehubungan itu, Malaysia mengalu-alukan lawatan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan Arab Saudi, Putera Sultan ke negara ini sedikit masa lagi diikuti dengan kunjungan Panglima Angkatan Udaranya.

Beliau berkata, selaras dengan hasrat Dr Mahathir yang ingin melihat kerjasama dengan Arab Saudi dipertingkatkan lagi, pertukaran lawatan antara pegawai tentera kedua-dua negara sedang diatur.

Mengenai kenaikan elaun latihan rekrut, Syed Hamid berkata cadangan itu telahpun dikemukakan kepada agensi kerajaan yang berkaitan dan Kementerian masih menunggu kelulusan untuk dilaksanakan.

Syed Hamid berkata, beliau tidak nampak sebarang masalah di masa depan kerana cadangan itu adalah bagi membolehkan para rekrut tentera menerima layanan serupa dengan rekrut polis dan anggota-anggota awam perkhidmatan kerajaan yang lain.

"Ini membuktikan Kementerian sentiasa berusaha mengubah nasib rekrut tentera agar diberi layanan setimpal, dan segala kelemahan mestilah diperbetulkan terlebih dahulu," katanya.

Bagaimanapun beliau enggan menghuraikan butir-butir lanjut mengenai jumlah atau peratus kenaikan elaun latihan rekrut itu.

Terdahulu dalam ucapannya, Syed Hamid berharap para penerima anugerah tidak menukarkan sijil-sijil simpanan premium dengan wang tunai dalam tempoh yang singkat tetapi sebaliknya hendaklah mengekalkan pelaburan itu untuk faedah jangka masa panjang.

"Adalah menjadi harapan saya supaya hasil daripada budaya kerja cemerlang, berkualiti dan proaktif yang digunapakai semua anggota awam dan tentera, dapat mengekalkan imej Kementerian keseluruhannya," katanya.

Zahid pula berkata pembelian sijil simpanan premium berjumlah RM1.8 juta oleh Kementerian Pertahanan itu merupakan langkah bijak kerana penerima bukan sahaja digalakkan mengamalkan tabiat menyimpan malah berpeluang memenangi hadiah-hadiah lumayan tanpa kehilangan satu sen pun.

Sehingga ini, banyak badan-badan korporat memilih sijil simpanan premium sebagai pembayaran bonus dan hadiah dengan setakat ini jumlahnya

telah meningkat kepada RM15 juta setahun.

Menurut Zahid sehingga ini BSN mempunyai 10.3 juta penyimpan di seluruh negara dengan simpanan terkumpul berjumlah RM5.6 ribu juta dan produk utama BSN ialah GIRO yang mendapat sambutan menggalakkan dengan jumlah penyimpan sebanyak 5.3 juta.

Sijil simpanan premium pula mempunyai simpanan terkumpul RM456 juta sehingga akhir November lepas, katanya.-- BERNAMA

ZAB PR